

# 'Buang masa bincang dengan akhbar asing'

SUBANG, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menganggap perbincangan dengan syarikat akhbar asing sebagai membuang masa dan tidak bermakna.

"Tidak guna kita cuba memberikan pendapat kita kepada mereka kerana mereka masih bersikap prejudis dan berat sebelah," katanya sekembalinya dari menghadiri Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York malam tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas pertemuannya dengan wakil *Wall Street Journal* di Amerika baru-baru ini.

Katanya, tindakan kerajaan mengusir wartawan *Asian Wall Street Journal* (AWSJ) mendapat pelbagai kritikan daripada akhbar di Amerika.

"Nampaknya mereka terlalu marah sehingga tidak sopan lagi dalam penulisan mereka. Ini ketara dalam rencana lidah pengarang *Wall Street Journal* sendiri dan *New York Times*.

"Mereka menganggap perkembangan ini menunjukkan Malaysia mengarah ke kiri," katanya.

Beliau berkata wakil *Wall Street Journal* di Amerika beranggapan wartawan-wartawan AWSJ di Malaysia tidak pernah menulis sesuatu yang membolehkan mereka diusir atau tidak pernah berbohong.

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Encik Yushihiro Nakasone, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan Jepun akan memberikan perhatian berat kepada cadangan yang dibuat oleh Malaysia.

Katanya, perbincangan itu tertumpu kepada soal-soal hubungan perdagangan dan usaha yang boleh dilakukan oleh Jepun dalam membantu Malaysia mengatasi masalah kelembatan ekonomi sekarang.

"Encik Nakasone berempati dengan masalah kita dan beliau akan mengarahkan menteri dan pegawainya supaya mengadakan perbincangan lebih mendalam membabitkan cadangan kita," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai cadangan yang dikemukakan Malaysia, sebaliknya menegaskan Malaysia meminta perhatian khusus diberikan kepada soal menambah pelaburan di negara ini.